



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SABTU, 1 FEBRUARI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



1/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	JENTERA BANTU MANGSA BANJIR SUDAH BEROPERASI SEPENUHNYA DI LAPANGAN – NADMA		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/jentera-bantu-mangsa-banjir-sudah-beroperasi-sepenuhnya-di-lapangan-nadma/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1182304/aset-anggota-penyelamatan-dikerah-ke-sabah-sarawak-nadma	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	MAKIN RAMAI MANGSA BANJIR DI SABAH, SARAWAK		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/31/makin-ramai-mangsa-banjir-di-sabah-sarawak/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/01/31/banjir-jumlah-mangsa-meningkat-kepada-10787-mangsa-petang-ini/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.utusan.com.my/terkini/2025/01/mangsa-banjir-di-sabah-sarawak-terus-meningkat/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1168791/number-sabah-sarawak-flood-victims-declines	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	MASIH ADA PENDUDUK TERPERANGKAP DI RUMAH BELUM DAPAT BANTUAN PENUH		NEGATIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/31/masih-ada-penduduk-terperangkap-di-rumah-belum-dapat-bantuan-penuh	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	ANWAR ANNOUNCES RM24 MILLION ALLOCATION TO REPAIR FLOOD-DAMAGED INFRASTRUCTURE IN SABAH, SARAWAK		POSITIF
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1168810/anwar-announces-rm24-million-allocation-repair-flood-damaged	NST.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



1/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	10 RS DIATUR GERAK BANTU AGENSI KESELAMATAN LAIN DI KAWASAN BANJIR		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/31/10-rs-diatur-gerak-bantu-agensi-keselamatan-lain-di-kawasan-banjir	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/01/31/op-murni-trup-9rs-atur-gerak-aset-anggota-bantu-mangsa-banjir-di-sibu/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/31/floods-border-regiment-deployed-to-help-relief-efforts-in-sibu	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	SELANGOR HASRAT TINGKAT KEMPEN KESEDARAN, SARINGAN BARAH PANGKAL RAHIM		POSITIF
	https://selangorkini.my/2025/01/selangor-hasrat-tingkat-kempen-kesedaran-saringan-barah-pangkal-rahim/	SELANGORKINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	KANAK-KANAK LEMAS KETIKA MANDI DI PANTAI KANDIS		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1182506/kanak-kanak-lemas-ketika-mandi-di-pantai-kandis	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/budak-lemas-mandi-ketika-air-pasang-di-pantai-kandis/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-lapan-tahun-ditemukan-lemas-506814	ASTROAWANI.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/01/31/mayat-kanak-kanak-lemas-di-bachok-ditemui/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/710193/berita/semasa/kanak-kanak-lemas-ketika-mandi-di-pantai-kandis	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



1/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	PASANGAN KEKASIH DIDAKWA BUNUH BAYI PEREMPUAN		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/pasangan-kekasih-didakwa-bunuh-bayi-perempuan/	UTUSAN.COM.MY	
	https://thesun.my/cerita/berita/pasangan-kekasih-didakwa-bunuh-bayi-perempuan-di-port-dickson-CO13596352	THESUN.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/31/pasangan-kekasih-sugul-didakwa-bunuh-bayi-perempuan/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1182334/pasangan-kekasih-didakwa-bunuh-bayi-perempuan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2388112	BERNAMA.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/710109/berita/semasa/pasangan-kekasih-didakwa-membunuh-bayi-perempuan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=0fpzR526ig8	YOUTUBE	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/01/31/couple-charged-with-murder-of-baby-girl-in-port-dickson-case-to-be-heard-in-high-court/165097	MALAYMAIL.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/31/pd-couple-charged-with-baby039s-murder	THESTAR.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jentera bantu mangsa banjir sudah beroperasi sepenuhnya di lapangan – NADMA

🕒 31 Januari 2025, 12:53pm



KUALA LUMPUR: Semua jentera dan kakitangan berkaitan bagi membantu mangsa banjir sudah dikerah ke Sabah dan Sarawak selepas dua negeri itu mengalami banjir buruk sejak kelmarin.

Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Datuk Khairul Shahril Idrus, berkata pihaknya turut menjalinkan kerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) tempatan bagi membantu mangsa banjir serta memindahkan aset dan bantuan dari kawasan tidak terjejas ke kawasan bencana.

"NADMA sentiasa berkomunikasi rapat dengan semua pihak dan kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri yang dipengerusikan oleh Timbalan Premier Sarawak, Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

"Kita memang sentiasa bersedia dan membuat persediaan awal selepas arahan dikeluarkan sebelum Monsun Timur Laut (MTL) oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat.

"Buat masa ini semua jentera sudah dikerahkan dan pergerakan aset di lapangan akan dibuat berdasarkan keperluan semasa," katanya kepada BH, hari ini. Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan pihak berkaitan termasuk NADMA untuk memperkukuh jentera dan koordinasi berikutan situasi banjir di Sabah dan Sarawak yang semakin memburuk. Anwar berkata, keutamaan ketika ini adalah kebajikan mangsa banjir serta keselamatan penduduk di kawasan terkesan.

Mengikut Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), setakat jam 12 tengah hari ini sebanyak 7,557 mangsa berada 76 pusat pemindahan sementara (PPS) di Sabah dan Sarawak.

Di Sarawak sebanyak enam daerah terbabat banjir membabitkan 2,904 mangsa sementara di Sabah terdapat 10 daerah menghadapi banjir yang kini mempunyai 4,653 mangsa.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : NUMBER OF EVACUEES CONTINUE TO RISE IN FLOOD-HIT SABAH, SARAWAK

HARI : SABTU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 1 FEB 2025

M/SURAT : 01

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK



A villager uses a boat to take his family to the evacuation centre in Kampung Hilir, Serian. — Photo by Chimon Upon

Number of evacuees continues to rise in flood-hit Sabah, Sarawak

KUALA LUMPUR: The number of evacuees at flood relief centres in Sabah and Sarawak has continued to rise, with 15,015 registered yesterday morning, up from 11,886 recorded late Thursday.

In SARAWAK, the number of evacuees rose to 9,398 from 2,725 families yesterday, up from 7,503 from 2,096 families listed the day before.

According to the State Disaster Management Committee (SDMC) Secretariat, Bintulu had the highest number of evacuees at 4,021 (1,090 families), all housed at six relief centres, followed by Serian at 1,886 (602 families) at 15 relief centres.

In Selangau, 900 people from 226 families were still housed at four relief centres, while 1,353 people from 393 families were placed at three relief centres in Tatau, and 475 people from 153 families at three centres in Kuching.

In SABAH, the number of flood evacuees continued to rise, with 5,617 from 1,899 families as at 8am yesterday, versus 4,383 from 1,475 families the night before.

The Sabah Disaster Management Committee Secretariat reported that 39 relief centres had been opened across 10 districts, with Kota Marudu recording the highest number of evacuees – at 2,944 from 1,090

families.

Other affected districts were Pitas with 768 evacuees (261 families), Lahad Datu (443 people from 121 families), Telupid (413 people from 110 families), Kota Belud (301 people from 88 families), Paitan (274 people from 99 families), Beluran (195 people from 60 families), Sandakan (118 people from 28 families), Beaufort (107 people from 29 families), and Tongod (54 people from 13 families).

The report stated that the evacuation trend in Kota Marudu, Pitas and Paitan was increasing, while trends in other districts remained unchanged. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BANJIR JEJAS 226 JALAN DI SELURUH SARAWAK

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 1 FEB 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Banjir jejas 226 jalan di seluruh Sarawak

Daripada jumlah itu, 148 terputus, 75 alami hakisan, tiga alami kerosakan pembetung

Oleh Agnes Tugong

SERIAN: Bencana banjir yang melanda Sarawak ketika ini telah menjejaskan sebanyak 226 jalan raya di seluruh negeri, kata Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Daripada jumlah itu kata Uggah, sebanyak 148 jalan terputus akibat banjir, 75 mengalami hakisan dan tiga mengalami kerosakan pembetung.

enam jam," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Dewan Masyarakat Serian di sini semalam mengenai perkembangan situasi banjir di seluruh Sarawak.

Mengenai situasi banjir di Sarawak, Uggah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) berkata sebanyak 57 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dibuka di seluruh Sarawak dengan seramai 2,765 ketua isi rumah

“Kita telah arahkan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak untuk berjaga-jaga sepenuhnya dan mengambil tindakan segera untuk membaik pulih jalan terjejas akibat banjir mahupun hakisan.”

Datuk Amar Douglas Uggah Embas
Timbalan Premier Sarawak

“Kita telah arahkan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak untuk berjaga-jaga sepenuhnya dan mengambil tindakan segera untuk membaik pulih jalan terjejas akibat banjir mahupun hakisan.

“Kita faham dalam situasi sekarang ini adalah sangat mencabar untuk JKR membaik pulih jalan yang terjejas tetapi nampaknya mereka berjaya mengharunginya, contohnya di bahagian Kapit mereka berjaya baik pulih jalan yang rosak dalam masa

(KIR) melibatkan seramai 9,564 mangsa.

Bahagian Serian katanya, merekodkan PPS terbanyak iaitu 19 PPS dengan 667 KIR dan 2,066 mangsa diikuti Samarahan dengan 11 PPS, 286 KIR dan 795 mangsa.

Di Bintulu katanya, sebanyak sembilan PPS dibuka melibatkan 1,267 KIR dengan jumlah mangsa seramai 4,605 orang manakala di Miri, sebanyak lapan PPS dibuka (2 PPS tanah runtuh) melibatkan seramai 121 KIR dan



SANTUNI: Uggah melawat mangsa banjir yang ditempatkan di PPS Dewan Masyarakat Serian.
— Gambar Galileo Petinggi

jumlah mangsa seramai 398.

Untuk Sibul pula sebanyak enam PPS dibuka dengan 234 KIR terkesan melibatkan seramai 1,018 mangsa manakala di Kuching hanya empat PPS dibuka dengan 156 KIR dan 496 mangsa.

“Kita telah melawat beberapa tempat terjejas banjir dan kita berpuas hati dengan usaha-usaha pertama, memindahkan mangsa yang terlibat khususnya di kawasan Bintulu yang tidak pernah mengalami banjir selama ini.

“Begitu juga di tempat lain, saya ucapkan tahniah kepada

semua agensi yang diketuai residen bahagian dan ahli-ahli jawatankuasa JPBNS di peringkat bahagian dan daerah dan juga berterima kasih kepada Yang Berhormat (YB) Gabungan Parti Sarawak (GPS) yang sama-sama turun membantu serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menyumbang kepada PPS.

“Dengan adanya kerjasama daripada semua, kita dapat kurangkan kesukaran dan semalam di Bintulu kita nampak sangat ia adalah masa yang sangat mencabar,” katanya.

Uggah turut menasihati mangsa banjir yang masih enggan berpindah ke PPS untuk segera berpindah demi keselamatan mereka.

Beliau juga berkata anggota polis dan keselamatan akan ditugaskan bagi memantau kawasan-kawasan yang ditinggalkan akibat banjir.

Terdahulu sebelum sidang media itu, Uggah bersama pasukannya mengadakan lawatan ke PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Tanah Merah sebelum ke PPS Dewan Masyarakat Serian diikuti PPS SK Endap di Kota Samarahan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	PASUKAN PENYELAMAT SEDAYA UPAYA MENYELEMATKAN MANGSA BANJIR		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	1 FEB 2025	M/SURAT :	07
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Pasukan penyelamat sedaya upaya menyelamatkan mangsa banjir

Oleh Abang Izahil Abang Saif

BINTULU: Pasukan penyelamat di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) dan JPB Bahagian Bintulu antaranya Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bertindak sedaya upaya menyelamatkan mangsa banjir buruk yang berlaku di bahagian ini khususnya di peneempatan yang terjejas teruk. Gambar-gambar yang dirakamkan oleh JBPM memperlihatkan mangsa banjir melibatkan golongan dewasa, warga emas, kanak-kanak hingga kepada bayi berusia dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Bintulu. Proses pemindahan berjalan lancar meskipun aduan mangsa yang perlu



TUGAS KHAS: Golongan dewasa, ibu bapa dan kanak-kanak diselamatkan oleh pasukan bomba dan dipindahkan ke PPS. — Gambar: JBPM



OPERAS: Anggota bomba menyelamatkan dan memindahkan mangsa banjir dengan bot penyelamat. — Gambar: JBPM



SEJUJ: Sebahagian mangsa banjir yang diselamatkan oleh pasukan bomba. — Gambar: JBPM



PANTAS: Mangsa-mangsa banjir yang diselamatkan oleh pasukan bomba. — Gambar: JBPM



(APM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) digerakkan dengan pantas untuk menjalankan usaha menyelamatkan di kawasan terjejas. "Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Timbalan Premier Sarawak dan Pengerusi JPBNS Datuk Amar Douglas Uggah Embas serta semua anggota penyelamat dan pasukan bantuan, ahli-ahli Parti Demokratik Progressif (PDP) dan pasukan Pusat Khidmat P217 Bintulu kerana bersama-sama membantu dalam saat genting ini," katanya. Katanya, mereka menggerakkan bot mencari dan menyelamatkan di kawasan terjejas untuk memindahkan penduduk yang terjejas dan membantu memindahkan mereka ke lima pusat pemindahan banjir yang ditetapkan. Setakat jam 4 petang kolmarin, seramai 6,884 orang daripada 1,865 isi rumah berada di 49 PPS di seluruh Sarawak. Bahagian Bintulu telah mengaktifkan lapan PPS dengan 2,933 dipindahkan di Dewan Sinarah (174 isi rumah, 608 individu), Pusat Sukun HDA Kadirong (70/73), Stadium Maluhah (222/907), Dewan SMK Assyakim (119/584), Balai Raya Jerak (44/124), Rumah Steven Jeli, Tataru (13/36), SMK Tataru (73/261) dan Balai Raya Sebauh (27/92).



MISI DITERUSKAN: Anggota bomba menyelamatkan kanak-kanak dari sebuah rumah yang terjejas. — Gambar: JBPM



MISI PENTING: Pasukan bomba turut menyelamatkan bayi mangsa banjir dari sebuah rumah di Bintulu. — Gambar: JBPM

bersabar menunggu bantuan tiba untuk dipindahkan. Seperti diiktikafkan Menteri Pelancongan Seri dan Budaya merangkap Ahli Parlimen Bintulu dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dulong Datuk Seri Tiong King Sing dalam kenyataannya sebelum ini, ramai mangsa banjir, terutama warga emas, wanita dan kanak-kanak telah terkandas di rumah mereka, menunggu untuk diselamatkan. Namun katanya, pihaknya amat berterima kasih kepada JPBNS yang segera mengaktifkan mekanisme tindak balas kecemasan 24 jam. jelasnya, melalui penyelarasan operasi bersama Pejabat Residen Bintulu, JBPM, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia



ANCAMAN BANJIR: Anggota bomba menyelamatkan seorang warga emas menggunakan perahu di sebuah rumah yang ditenggelami air hampir mencecah siling rumah. — Gambar: JBPM

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : KAMPUNG LERENG BUKIT MIRI DIPINDAH

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 1 FEB 2025

M/SURAT : 01&02

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kampung Lereng Bukit Miri dipindah

Oleh Clare Cinderella

MIRI: Kerajaan Sarawak akan memindahkan Kampung Lereng Bukit ke lokasi lebih selamat yang akan dikenal pasti kelak di bawah program penempatan semula kampung.

Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg berkata, pihaknya akan mencari tapak yang lebih selamat dan selesa untuk menempatkan penduduk kampung berkenaan ekoran struktur tanah yang semakin mengancam keselamatan dan tidak sesuai untuk diduduki.

Bercakap kepada pemberita pada sidang media di sini, semalam selepas melawat mangsa tanah runtuh yang juga penduduk Kampung Lereng Bukit yang ditempatkan di Pusat Penempatan Sementara (PPS) di Kompleks Bulan Sabit Merah Malaysia (BSM) Cabang Miri, Abang Johari berkata mangsa yang terjejas turut merayu untuk dipindahkan.

"Tadi seorang mangsa berkata, 'pindahkan ajak kamek tok' (pindahkan sahaja kami).

"Kalau dulu ada yang mahu (berpindah), ada tidak mahu tetapi apabila tadi mendengar permintaan (penduduk), bermakna sudah ada kesedaran di kalangan masyarakat kita mahu tempat tinggal yang lebih selesa dan selamat.

"Cadangan kita, mungkin kita akan membuat penempatan semula di kawasan lain yang lebih selamat kerana kita sudah ada pengalaman seperti (yang dilaksanakan) di Kuching, Kapit dan Tatau.

"Maknanya kita akan membuat kajian dan meminta kerjasama (penduduk), apabila kerajaan membuat keputusan untuk



MENYANTUNI: Abang Johari menyapa seorang bayi ketika menyampaikan bantuan kepada penduduk Kampung Lereng Bukit yang terjejas akibat kejadian tanah runtuh tiga hari lepas, di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Bulan Sabit Merah dekat Miri, semalam. — Gambar Borneo

● Dipindahkan ke lokasi lebih selamat yang akan dikenal pasti kelak di bawah program penempatan semula kampung

memindahkan mereka ke kawasan yang lebih selamat," katanya.

"Memang ia ada kos (melakukan penempatan semula kampung)

tetapi kita akan cari.

"Mengikut program kita ini (penempatan semula kampung), pembangunan infrastruktur akan

ditanggung kerajaan dan mereka akan diganti rugi (disediakan rumah dan kemudahan) dan mereka tidak perlu menanggung beban hutang (untuk kediaman dan sebagainya), mereka hanya perlu pindah masuk sahaja kerana kosnya sama di mana mereka tidak perlu membayar apa pun," katanya dengan mengambil contoh program serupa di Darul Hana di Kuching.



Kampung Lereng Bukit Miri dipindah

► Dari Muka 1

"Kalau ada rezeki sedikit, kita akan tolong rakyat kita," tambahnya.

Manakala Bukit Kanada Kelak akan dipulihara sebagai bukit hijau yang tidak berpenghuni.

"Kalau ia runtuh (di masa depan), ia tidak akan membahayakan nyawa manusia dan (langkah) ini adalah untuk keselamatan," ujarnya.

Ditanya mengenai penyelesaian jangka pendek kerajaan sementara menunggu

tapak baharu untuk program penempatan semula kampung itu, Abang Johari berkata, jika kediaman ketika ini masih selamat untuk didiami, mereka akan dibenarkan tinggal di situ dalam tempoh setahun atau dua tahun ini.

"Tetapi apabila masanya sampai, kita dah kenal pasti kawasan untuk dipindahkan, saya harap mereka akan bekerjasama untuk pindah.

"Kalau dah teruk ni (keadaan ketika ini) kita carilah tempat flat untuk mereka.

"Tadi saya pergi ke sana,

tanah sana macam sungai, nama saja dah lereng bukit," katanya sambil menambah, akan mencari lokasi sesuai untuk bangunan kawasan flat dengan akses bas dan komunikasi yang mudah.

Mengenai geologi tanah

tersebut Abang Johari berkata berdasarkan kajian,

tanah di lereng bukit itu bercampur dengan pasir yang

menjadikannya poros dan bila-bila masa akan runtuh dan menjadi ancaman bahaya

kepada penduduk.

Insiden tanah runtuh di Kampung Lereng Bukit dan Bukit Kanada ini bukanlah perkara baharu malah pernah

berlaku sekurang-kurangnya tiga kali dan pernah mengorbankan dua nyawa dalam insiden pada 2009.

Namun insiden kali ini adalah yang terburuk apabila ia mengorbankan lima nyawa daripada sebuah keluarga pada awal pagi 29 Januari lalu, di samping memusnahkan beberapa

kediaman.

Terdahulu pada pagi 28

Januari, tiga kejadian tanah

runtuh turut berlaku di lokasi berbeza di kampung berkenaan dan Bukit Kanada, menyebabkan Jabatan Bomba dan Penyelamat mengarahkan penduduk berpindah

atas faktor keselamatan.

Dalam perkembangan berkaitan, Abang Johari

turut mengumumkan peruntukan khas RM10 juta untuk

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JBNS) membantu semua

mangsa yang terjejas akibat banjir di seluruh negeri.

"Mungkin kita juga akan melaksanakan pembinaan semula (di kawasan yang

terjejas)," katanya sambil menambah bahawa bencana kali ini adalah luar biasa dengan hujan tanpa henti

berserta air pasang besar. Turut hadir ialah kedua-dua Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan dan Datuk Amar Dr Sim Kui Hian, Pengerusi BSMM Negeri Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Dr George Chan serta menteri-menteri kabinet negeri yang lain.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Masih ada penduduk terperangkap di rumah belum dapat bantuan penuh

🕒 Januari 31, 2025, Jumaat - 6:36pm



Dr Rundi menemui mangsa banjir di PPS Balai Raya Sebauh.- Gambar UKAS

BINTULU: Masih terdapat penduduk yang terperangkap di rumah di daerah Sebauh yang belum mendapat bantuan penuh termasuk bekalan makanan dan ubat-ubatan walaupun keadaan banjir di Bintulu semakin pulih.

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom berkata, beberapa keluarga di kawasan hulu termasuk Tubau, Jelang and daerah Sebauh masih terperangkap akibat jalan terputus dan paras air yang belum surut sepenuhnya.

Memetik laporan Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS) Dr Rundi berkata, di hulu ada isi rumah yang belum dapat keluar dan tidak mendaftar di Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

"Mereka juga perlu diambil kira kerana turut terjejas, terutama dari segi bekalan makanan dan ubat-ubatan," katanya semasa lawatan ke PPS Balai Raya Sebauh hari ini.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kemena berkata, bantuan perlu segera disalurkan bagi memastikan kebajikan dan kesihatan mereka tidak terjejas.

Beliau turut mengingatkan penduduk agar berhati-hati dengan penggunaan elektrik serta peka dengan keadaan jalan yang banyak runtuh akibat banjir.

Katanya, kita perlu bekerja sebagai satu pasukan untuk memastikan semua mangsa menerima bantuan dan tidak ada yang tercicir.

Dalam pada itu beliau menggesa pihak berkuasa menambah baik sistem pengurusan bencana termasuk memperbaiki sistem saliran dan memperkukuh persediaan menghadapi fenomena air pasang besar pada masa akan datang.

"Pihaknya akan terus memantau situasi dan bekerjasama dengan agensi berkaitan bagi memastikan semua mangsa termasuk yang masih terperangkap mendapat perhatian sewajarnya," katanya.

Lawatan itu turut disertai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian Bintulu merangkap Residen Bahagian Bintulu Datu Nyurak Ketu, Pegawai Daerah Sebauh Thadeus Ling Bartholomew Allu dan Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Bahagian Bintulu Wan Muhammad Hasif Wan Jamari.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	RM24MIL TO REPAIR FLOOD DAMAGE IN SABAH, S'WAK		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	1 FEB 2025	M/SURAT :	02
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

RM24mil to repair flood damage in Sabah, S'wak

By **MANJIT KAUR**
manjit@thestar.com.my

IPOH: Sabah and Sarawak will be allocated more than RM24mil immediately to repair infrastructure that has been damaged by floods and other disasters, says Datuk Seri Anwar Ibrahim.

The Prime Minister said the Federal Government would provide aid to states at any given time when disaster occurs.

"If we give RM1,000 to each family when floods hit Perak, I have asked Nadma (the National Disaster Management Agency) to provide the same amount to each affected family elsewhere.

"At the same time, we prepare millions of ringgit for states to carry out repair works. We approve all requests, irrespective state or season, but we do it because it is our responsibility," he said at a kenduri rakyat event at Masjid Al-Muttaqin in Taman Meru yesterday.

The past few days have seen

several parts of Sabah and Sarawak inundated following heavy rainfall, leaving thousands having to flee their homes and seek temporary shelter.

At the Perak Chinese Chamber of Commerce and Industry's Chinese New Year open house earlier, the Prime Minister called on Malaysians to focus on shared national goals and reject racial and religious divisions.

Anwar said while there would always be groups wanting to be champions or heroes in their respective areas, the people must not allow issues raised by certain groups to distract them.

"This country must serve as an example of strong unity among all races.

"We must consider everyone's interests, ensure progress for all, and grow the economy for the benefit of all," he said.

Anwar said the focus should be on developing the country's great potential, adding that there was no need to stir up

unnecessary conflicts.

"There have been concerns raised about Malays celebrating Chinese New Year, Chinese celebrating Hari Raya, and people attending Thaipusam.

"These traditions have existed for decades without issues, but now, some try to make them problems. Should we entertain these distractions, or should we focus on our unity? That is the choice we must make," he said.

The Prime Minister said the country cannot rely on getting investments only from certain countries, adding that while it is important to seek investments from the United States, it is equally important for Malaysia to improve relations with the European Union and maintain strong ties with China.

Anwar said some claimed that the government is "handing" everything over to China, to which he pointed out that the country is a major economic power in the region and good

relations with them would benefit the people and economy.

"This is a colonial mentality. For us, it doesn't matter who invests, whether it is China or any other country. We welcome investments and if they are beneficial, we strengthen ties. That is our policy.

"If another country has issues with China, that is their problem, not ours. In fact, during my meetings with President Xi Jinping, I was treated with great respect," he added, referring to the Chinese leader.

Anwar said Malaysia is set to welcome several world leaders beginning next week, strengthening its diplomatic relations with countries worldwide.

He added that the leaders include Uzbekistan President Shavkat Mirmonovich Mirziyoyev and Turkiye President Recep Tayyip Erdogan.

"We need more strategic partners at this time. We cannot rely on just one country," he said.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 10 RS DIATUR GERAK BANTU AGENSI KESELAMATAN LAIN KAWASAN BANJIR

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 1 FEB 2025

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

10 RS diatur gerak bantu agensi keselamatan lain di kawasan banjir

KUCHING: Trup Batalion Ke-10 Rejimen Sempadan (10 RS) di bawah kawalan operasi Ops Murni kawasan tanggungjawab (KTJ) 3 Bgd telah diaturgerakkan bagi membantu agensi keselamatan yang lain di kawasan terjejas banjir di bahagian Kuching.

Jurucakap 10 RS berkata, semua aset dan anggota telah diaturgerakkan sejak 29 Januari lalu bagi memastikan keselamatan orang awam sentiasa terjaga dan terpelihara.

“Tinjauan serta pemantauan yang berterusan di kawasan berisiko banjir dilaksanakan sebagai persediaan untuk diatur gerak pada bila-bila masa.

“Di samping itu, pasukan turut memberi bantuan pemindahan mangsa banjir ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak dalam penghantaran barang keperluan bencana dengan menggunakan aset kenderaan



KHIDMAT: Anggota tentera membantu memindahkan mangsa banjir.

dan bot,” katanya menerusi satu kenyataan semalam.

Tambahnya, Pegawai Pemerintah Leftenan Kolonel Ismanizam Ismail turut hadir melawat ke tiga PPS iaitu di SJKC Chung Hua Batu Kawa, PPS Kampung Segedup dan PPS Kampung Sejjak.

Dalam lawatannya, beliau menasihati trup agar sentiasa menitikberatkan aspek kebersihan dan keselamatan diri dalam mengharungi misi

penyelamatan mangsa banjir dan sentiasa menyalurkan apa jua bentuk pertolongan kepada mangsa banjir dan agensi keselamatan setempat.

“Pasukan 10 RS akan terus komited dalam menjayakan Ops Murni ini dalam mendukung prinsip Whole Of Government Whole Of Society (WOGOS) dalam mengukuhkan kerjasama antara awam dan tentera,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Peserta membuat pendaftaran sebelum menjalani Ujian PCR Virus Papiloma Manusia (HPV) Percuma Untuk Saringan Kanser Pangkal Rahim di Dewan Komuniti MBPJ Damansara Damai, Petaling Jaya pada 13 Februari 2022. Foto FIKRI YUSOF/SELANGORKINI

Selangor hasrat tingkat kempen kesedaran, saringan barah pangkal rahim

by Sofia Nasir © January 31, 2025 6:00 pm

SHAH ALAM, 31 JAN: Kerajaan Negeri berhasrat meningkatkan kempen kesedaran dan saringan barah pangkal rahim kepada wanita sepanjang tahun ini.

EXCO Pembangunan Wanita Anfaal Saari memberitahu inisiatif itu akan dilaksana Wanita Berdaya Selangor (WBS) menerusi Pusat Wanita Berdaya (PWB) di serata daerah.



EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat YB Anfaal Saari bercakap pada media selepas Majlis Perasmian Swift EmpowerHER Program di Pelabuhan Klang Selangor pada 21 Januari 2025. Foto HARUN TAJUDIN/MEDIA SELANGOR

"WBS pernah bekerjasama dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) untuk giatkan promosi pemeriksaan dan saringan. Tahun ini, WBS akan giatkan lagi melalui PWB.

"Bagaimanapun, oleh kerana program kesihatan bawah portfolio kesihatan, jadi kita akan tetap beri kerjasama dan memantau secara berterusan," katanya kepada Media Selangor.

Sebelum ini, EXCO Kesihatan Jamaliah Jamaluddin mendedahkan tahap kesedaran untuk membuat saringan barah pangkal rahim masih rendah, dengan hanya 107 wanita menjalaninya setakat 24 Januari lalu.

Sehubungan itu, beliau **menyasar seramai 3,000 wanita** menjalani Program Subsidi Ujian Mamogram dan Program Saringan Barah Pangkal Rahim (HPV DNA) tahun ini.

Program inisiatif LPPKN itu ditawarkan secara percuma dan boleh didapati di klinik seliaan agensi berkenaan.

Menurut Laporan Registri Kanser Kebangsaan Malaysia 2017-2021, seorang daripada 154 wanita berisiko mendapat barah pangkal rahim dengan majoritinya adalah Melayu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kanak-kanak lemas ketika mandi di Pantai Kandis

Nor Amalina Alias
am@hmetro.com.my



Mayat mangsa kanak-kanak 8 tahun yang ditemui lemas selepas mandi di Pantai Kandis, Bachok. FOTO Ihsan Pembaca

Bachok: Seorang kanak-kanak ditemukan lemas selepas dipercayai mandi manda dalam kejadian di Pantai Kandis, petang tadi.

Mayat mangsa, Ahmad Ammar Rafaeil Ahmad Ridtauden, 8 tahun, ditemukan pada jam 7.25 malam.

Timbalan Ketua Polis Daerah Bachok, Deputy Superintendan Mohd Azrie Sulaiman berkata, pihaknya mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian.

"Polis menerima laporan berhubung kejadian jam 6 petang.

"Siasatan awal mendapati mangsa bersama empat lagi rakan dipercayai mandi di pantai berkenaan sebelum mangsa lemas," katanya ketika dihubungi hari ini.

Mayat kanak-kanak itu dibawa ke Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM) untuk tindakan lanjut.

Sementara itu, Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bachok, Pegawai Bomba Kanan II, KUP Yusri Mat Ghani berkata, operasi mencari dan menyelamat mangsa disertai lapan pegawai dan anggota serta satu jentera Fire Rescue Tender (FRT) BBP Bachok

Katanya, mangsa dipercayai lemas selepas dibawa arus deras ketika mandi bersama empat lagi rakan.

"Rakan yang lain berjaya menyelamatkan diri, mayat mangsa ditemui satu kilometer daripada lokasi dia dilaporkan lemas," katanya.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	COUPLE CHARGED WITH MURDER OF BABY GIRL IN PORT DICKSON		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	1 FEB 2025	M/SURAT :	08
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Couple charged with murder of baby girl in Port Dickson

SEREMBAN: A woman and her boyfriend were charged in the Magistrates' Court here with the murder of a baby girl at a house in Teluk Kemang, Port Dickson, recently.

Nurul Ain Haslan, 19, and Muhammad Emer Irfan Hasren, 21, nodded as the charges were read before Magistrate Nurul Saqinah Rosli.

However, no plea was recorded, as the case falls under the

jurisdiction of the High Court.

The couple are accused of jointly causing the death of the infant at a house in Teluk Kemang, Port Dickson, between 5.30am and 4pm on Jan 21.

They were charged under Section 302 of the Penal Code, which carries the death penalty or a prison term of between 30 and 40 years, and not less than 12 strokes of the cane, upon conviction.

Deputy public prosecutor Nadia

Ezzati Mohd Zainal requested a date for the submission of the autopsy, chemical, forensic, and DNA reports.

The court then set Feb 27 for case mention at the Port Dickson Magistrates' Court.

Previously, the media reported that police had arrested a couple at two separate locations after they were suspected of concealing a birth, leading to the death of a baby girl at a house in

Telok Kemang, Port Dickson.

Port Dickson District police chief Supt Maslan Udin said the police received an emergency call from Port Dickson Hospital at 11.13am about a local woman who had given birth, but the whereabouts of her baby were unknown.

An investigation led to the discovery of the baby's body, hidden in a bag in the house.

— Bernama



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	COUPLE JOINTLY CHARGED WITH NEWBORN GIRL'S MURDER		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	1 FEB 2025	M/SURAT :	08
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Couple jointly charged with newborn girl's murder

SEREMBAN: A young couple were jointly charged at a Magistrate's Court here with the murder of a newborn baby girl. No plea was recorded from Nurul Ain Haslan, 19, and Muhammad Emer Irfan Hasren, 21, when they were brought before magistrate Nurul Saqinah Rosli. They were accused of committing

the offence between 5.30am and 4pm on Jan 21 at a house in Teluk Kemang, Port Dickson. Section 302 of the Penal Code and Section 34 of the same legislation apply to the charge of murder. Offenders can be sentenced to death or jailed between 30 and 40 years and whipped a minimum of 12 times upon conviction.

Muhammad Emer is unemployed while Nurul Ain works part-time at a fast food outlet. Deputy public prosecutor Nadia Ezzati Mohd Zainal asked the court for another date as the post-mortem, chemistry, forensic and medical reports were not ready. She also refused to offer bail to the suspects.

Magistrate Nurul Saqinah fixed Feb 27 for remention at the Port Dickson Magistrate's Court. The suspects were detained last week after police found the remains of a baby girl stuffed in a bag inside a room of a house. The infant had injuries believed to have been caused by a knife. Police were alerted to the case by staff at the Port Dickson hospital on Jan 21 when Nurul Ain, who was seeking post-natal treatment, could not produce her baby when asked by doctors. A preliminary police probe indicated that the couple had not wanted their families to know about the birth. Police have also seized a knife that was believed to have been used in the crime.

Police have also seized a knife that was believed to have been used in the crime.